

**PRESTASI KEWANGAN DAN ISU-ISU
PENGURUSAN FIRMA KONTRAKTOR
BUMIPUTERA DALAM INDUSTRI PEMBINAAN**

MOHD SUBERI BIN AB. HALIM

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2012

**PRESTASI KEWANGAN DAN ISU-ISU
PENGURUSAN FIRMA KONTRAKTOR
BUMIPUTERA DALAM INDUSTRI PEMBINAAN**

oleh

MOHD SUBERI BIN AB. HALIM

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi

Ijazah Doktor Falsafah

Jun 2012

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah s.w.t yang mempermudah semua urusan untuk menyiapkan tesis ini. Selawat dan salam juga buat junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w dan keluarga Baginda. Apa sahaja yang diperolehi daripada keberhasilan tesis ini terakam dalam lipatan pengalaman yang pasti dikenang sepanjang hayat. Mudah-mudahan diri ini bercambah menjadi insan yang semakin hari semakin baik dan melimpahkan sejuta manfaat kepada sekalian makhluk. Dalam proses menyiapkan tesis ini, saya sangat terhutang budi dan merakamkan jutaan terima kasih kepada mereka yang telah membantu saya sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Pertamanya saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada kedua-dua penyelia saya, Profesor Madya Dr. Sr. Mastura Jaafar dan Dato' Profesor Dr. Omar Osman yang menyelia perjalanan kajian ini dari awal hingga akhir dan sentiasa mendisiplinkan saya agar sentiasa berusaha menjadi yang terbaik dalam kalangan yang terbaik. Semoga segala sumbangan mereka berdua diberi sebaik-baik ganjaran oleh Allah s.w.t di dunia dan akhirat. Tidak lupa juga kepada semua pensyarah Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan (Universiti Sains Malaysia) yang sering menjadi tempat rujukkan saya. Begitu juga kepada pihak Institut Pengajian Siswazah (IPS), Universiti Sains Malaysia yang membantu saya dari segi kewangan melalui skim Zamalah (*Fellowship*).

Seterusnya, kepada Syarikat Yusof Yassin Sdn Bhd, Sama Pelangin Sdn Bhd, Kumpulan Sakata Sdn Bhd, H.M Enterprise Sdn Bhd, Hampan Mewah Sdn Bhd dan Eeffy

Engineering (M) Sdn Bhd kerana telah memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian kes di firma-firma mereka. Semoga Allah s.w.t akan memberkati perniagaan mereka dan diberi ganjaran dunia dan akhirat

Begitu juga kepada teman-teman seperjuangan di USM, khususnya di HBP yang sering mengambil berat dan memberi semangat selama proses menyiapkan tesis ini. Tanpa kesemua pihak ini, adalah sukar bagi saya untuk menyempurnakan tesis ini.

Penghargaan yang teristimewa buat bonda serta mertua yang terlalu banyak berkorban semenjak mulanya proses menghasilkan tesis ini. Semoga Allah s.w.t mengasihani mereka sebagaimana mereka mengasihani saya. Tidak lupa juga buat isteri tercinta, Pn Norlina Nawati dan anak-anak, Nurul Asyiqin, Fatin Adira, Nur Quratul Ain dan Abdul Wafi yang sentiasa memahami perjuangan suami dan ayah demi meraih kecemerlangan dunia dan akhirat. Mudah-mudahan Allah s.w.t memasukkan kita semua ke dalam golongan yang ikhlas apabila kembali kepadanya kelak.

SENARAI KANDUNGAN

	HALAMAN
Penghargaan.....	ii
Senarai Kandungan.....	iv
Senarai Jadual.....	viii
Senarai Rajah.....	x
Senarai Singkatan.....	xii
Abstrak.....	xiv
Abstract.....	xvi
BAB 1-PENDAHULUAN.....	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	2
1.2.1 Firma Kontraktor Bumiputera Dan Pusat Khidmat Kontraktor.....	3
1.2.2 Pengelasan Kontraktor Bumiputera.....	4
1.2.3 Prestasi Firma Kontraktor Dalam Industri Pembinaan.....	7
1.3 Penyataan Masalah.....	10
1.4 Objektif Kajian.....	19
1.5 Persoalan Kajian.....	20
1.6 Skop Kajian.....	20
1.7 Kepentingan Kajian.....	22
1.8 Definisi Penting Terma Kajian.....	25
1.8.1 Kecairan Modal.....	25
1.8.2 Tahap Keuntungan.....	26
1.8.3 Bebanan Hutang.....	27
1.8.4 Tahap Kecekapan Firma Mengurus Kewangan/Aset.....	28
1.9 Organisasi Tesis.....	29
1.10 Kesimpulan Bab.....	31
BAB 2- SOROTAN LITERATUR.....	32
2.1 Pengenalan.....	32
2.2 Analisis Nisbah Kewangan.....	32
2.2.1 Definisi.....	32
2.2.2 Konsep Going Concern Dalam Sistem Perakaunan.....	34
2.2.3 Tujuan Analisis Nisbah Kewangan.....	34
2.2.4 Perkembangan Penggunaan Analisis Nisbah Kewangan.....	36
2.2.5 Penggunaan Analisis Nisbah Dalam Industri Pembinaan.....	38
2.2.6 Analisis Nisbah Tradisional.....	44
2.2.7 Purata Industri Dan Zon Industri.....	48
2.2.8 Kelompok Nisbah Kewangan.....	51
2.2.8.1 Kelompok Nisbah Kecairan.....	52
2.2.8.2 Kelompok Nisbah Keuntungan.....	58

2.2.8.3	Kelompok Nisbah Hutang.....	62
2.2.8.4	Kelompok Nisbah Aktiviti/Kecekapan.....	67
2.3	Batasan Dan Kelemahan Analisis Nisbah.....	69
2.4	Faktor Penyebab Kepada Prestasi Buruk Firma Kontraktor.....	72
2.4.1	Firma Kontraktor Mengalami Kekurangan Modal.....	73
2.4.2	Firma Kontraktor Menikmati Untung Yang Kecil Daripada Projek Pembinaan.....	80
2.4.3	Firma Kontraktor Menanggung Bebanan Hutang Yang Tinggi....	85
2.4.4	Firma Kontraktor Kurang Cekap Mengurus Kewangan atau Aset.	90
2.4.4.1	Pengurusan Aliran Tunai Firma Kontraktor.....	93
2.5	Kesimpulan Bab.....	95
BAB 3- METADOLOGI KAJIAN.....		96
3.1	Pengenalan.....	96
3.2	Proses Kajian.....	97
3.3	Rangka Kerja Konsep Pengurusan Kewangan.....	101
3.4	Proses Triangulasi.....	105
3.4.1	Kaedah Kualitatif.....	108
3.4.2	Kaedah Kuantitatif.....	110
3.5	Persampelan.....	111
3.5.1	Pemilihan Sampel Kualitatif	111
3.5.1.1	Sampel Kajian Kes (Analisis Nisbah).....	111
3.5.1.2	Sampel Kajian Kes (Temu bual).....	115
3.5.2	Pemilihan Sampel Kuantitatif.....	116
3.6	Kajian Rintis.....	118
3.7	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Kajian.....	123
3.8	Kaedah Pungutan Dan Analisis Data	125
3.8.1	Kajian Kes Kualitatif.....	126
3.8.2	Soal Selidik Kuantitatif.....	130
3.9	Kesimpulan Bab.....	137
BAB 4- PENEMUAN KAJIAN (KUALITATIF).....		138
4.1	Pengenalan.....	138
4.2	Kelompok Nisbah Kecairan.....	138
4.3	Kelompok Nisbah Keuntungan.....	145
4.4	Kelompok Nisbah Hutang.....	154
4.5	Kelompok Nisbah Kecekapan.....	162
4.6	Kesimpulan Bab.....	172
BAB 5- ANALISIS PENEMUAN (KUANTITATIF)		174
5.1	Pengenalan.....	174
5.2	Kebolehpercayaan Instrumen.....	175
5.3	Analisis Perbezaan	176
5.4	Latar Belakang Responden.....	178
5.5	Persepsi Responden terhadap kecairan Modal Firma.....	179
5.6	Persepsi Responden Terhadap Keuntungan Firma.....	188
5.7	Persepsi Responden Terhadap Hutang Firma.....	193

5.6	Persepsi Responden Terhadap Kecekapan Firma Mengurus Aset.....	198
5.9	Kesimpulan Bab.....	201
BAB 6- PERBINCANGAN.....		202
6.1	Pengenalan.....	202
6.2	Kecairan Modal Firma kontraktor.....	203
6.2.1	Sebab-Sebab Kecairan Modal Firma kontraktor Yang Rendah....	205
6.2.1.1	Modal Asas Yang Kecil.....	205
6.2.1.2	Firma Lewat Menerima Bayaran Kemajuan.....	209
6.2.1.3	Sukar Untuk Mendapat Pinjaman Bank.....	214
6.2.1.4	Pengurusan Tunai Yang Lemah.....	216
6.2.1.5	Firma Kontraktor Lewat Menerima Bayaran Akhir.....	220
6.2.1.6	Modal Berbayar Firma Dalam Bentuk Tunai Kecil.....	222
6.2.1.7	Firma Tidak Dibayar Mengikut Nilai Kerja.....	223
6.3	Keuntungan Firma Kontraktor.....	224
6.3.1	Sebab-Sebab Firma Kontraktor Menikmati Untung Yang Kecil...	225
6.3.1.1	Berlaku Kenaikan Harga Barangan semasa Pembinaan..	226
6.3.1.2	Harga Kontrak Yang Rendah.....	228
6.3.1.3	Projek Tidak Dapat Disiapkan Dalam Masa Yang Ditetapkan.....	230
6.3.1.4	Firma Terlalu Bergantung Kepada Kreditor Untuk Membiayai Projek.....	231
6.3.1.5	Kos Kewangan Yang Tinggi.....	233
6.3.1.6	Kelemahan Pengurusan Kewangan Firma Kontraktor...	234
6.4	Bebanan Hutang Firma Kontraktor.....	236
6.4.1	Sebab-Sebab Firma Menanggung Bebanan Hutang.....	238
6.4.1.1	Kelewatan Pemilik Projek Membuat Pembayaran.....	239
6.4.1.2	Modal Asas Yang Kecil.....	240
6.4.1.3	Bayaran Pendahuluan Lewat Diterima.....	242
6.4.1.4	Jumlah Bayaran Pendahuluan Tidak Cukup.....	244
6.4.1.5	Sebahagian Modal Firma Dalam bentuk Aset Tetap.....	245
6.4.1.6	Sikap Kontraktor Yang Suka Berhutang.....	246
6.5	Kecekapan Firma Mengurus Aset.....	247
6.6	Kesimpulan Bab.....	255
BAB 7 CADANGAN DAN KESIMPULAN.....		257
7.1	Pengenalan.....	257
7.2	Rumusan Kajian.....	257
7.3	Sumbangan Kajian.....	264
7.3.1	Sumbangan Kepada Pengentahuan Akademik.....	264
7.3.2	Sumbangan Praktikal.....	266
7.4	Batasan Kajian.....	270
7.4.1	Dari Sudut Penggunaan Sampel Kajian.....	270
7.4.2	Dari Segi Kaedah Analisis Kajian.....	270
7.4.3	Dari Sudut Lokasi Kajian.....	271
7.4.4	Dari Segi Ketepatan Data Yang Diperolehi.....	272
7.5	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan.....	272

7.5.1	Cadangan Dari Sudut Penggunaan Sampel Kajian.....	273
7.5.2	Cadangan Terhadap Kaedah Analisis.....	274
7.5.3	Cadangan Terhadap Lokasi Kajian.....	274
7.5.4	Cadangan Dari Segi Ketepatan Data.....	275
7.6	Kesimpulan Bab.....	275
RUJUKAN		276
LAMPIRAN :		
1.	SENARAI TEMU BUAL	291
2.	PENERBITAN	293
3.	KAJIAN KES TERHADAP ENAM FIRMA KONTRAKTOR MENGUNAKAN ANALISIS NISBAH	295
4.	BORANG SOAL SELIDIK UNTUK FIRMA KONTRAKTOR	315

SENARAI JADUAL

		HALAMAN
Jadual 1.1	Kelas Kontraktor Bumiputera	4
Jadual 1.2	Gred Kontraktor Mengikut LPIP	6
Jadual 1.3	Bilangan Firma Kontraktor Dan Jumlah Tawaran Kerja	10
Jadual 1.4	Statistik Projek Sakit Peringkat JKR Daerah Pada Januari 2012	13
Jadual 2.1	Senarai Kajian Terdahulu Bagi Meramal Kegagalan Prestasi Firma Kontraktor	42
Jadual 2.2	Enam Belas Nisbah Kewangan Mengikut Kumpulan Faktor	45
Jadual 2.3	Senarai Tujuh Belas Nisbah Kewangan Yang Dicapai.	46
Jadual 2.4	Purata Industri Dan Zon Industri	49
Jadual 3.1	Tujuh Belas Jenis Nisbah Kewangan Yang Digunakan.	102
Jadual 3.2	Purata Industri Dan Zon Industri	104
Jadual 3.3	Empat Kelompok Nisbah Kewangan	105
Jadual 3.4	Persamaan Ciri-Ciri Industri Pembinaan Amerika Syarikat dan Malaysia	120
Jadual 3.5	Pembentukan Borang Soal selidik	133
Jadual 4.1	Purata Nisbah Kecairan Firma Kontraktor	139
Jadual 4.2	Purata Nisbah Keuntungan Firma	145
Jadual 4.3	Purata Nisbah Hutang Firma	154
Jadual 4.4	Purata Nisbah Kecekapan	162
Jadual 5.1	Nilai Pengkali Cronbach's Alpha Bagi Setiap Dimensi Empat Pembolehubah Kewangan	176
Jadual 5.2	Ujian-t Terhadap Persepsi Responden Berdasarkan Kumpulan.	179
Jadual 5.3	Persoalan Umum Tentang Responden Soal Selidik	179

Jadual 5.4	Tujuh Faktor Penyebab Kekurangan Modal Firma Kontraktor	180
Jadual 5.5	Persepsi Responden Terhadap Sumber Kewangan Firma	181
Jadual 5.6	Lima Faktor Bayaran Kemajuan Lewat Dibayar	183
Jadual 5.7	Faktor Firma Tidak Menyediakan Anggaran Aliran Tunai	185
Jadual 5.8	Faktor Kelewatan Pembayaran Akaun Akhir	187
Jadual 5.9	Persepsi Responden Terhadap Keuntungan Kecil Firma Kontraktor	189
Jadual 5.10	Persepsi Responden Terhadap Faktor Penyebab Hutang Firma	194
Jadual 5.11	Persepsi Responden Terhadap Kecekapan Firma Mengurus Aset	199

SENARAI RAJAH

		HALAMAN
Rajah 3.1	Proses Pelaksanaan Kajian	100
Rajah 3.2	Proses Triangulasi	106
Rajah 3.3	Lakaran Kepada Proses Triangulasi	108
Rajah 3.4	AliranTatacara Persampelan Kajian Kes	114
Rajah 3.5	AliranTatacara Persampelan Soal Selidik	118
Rajah 4.1	Nisbah Semasa Firma Kontraktor	140
Rajah 4.2	Nisbah Cepat Firma Kontraktor	141
Rajah 4.3	Margin Keuntungan Kasar Firma	146
Rajah 4.4	Margin Keuntungan Selepas Cukai	150
Rajah 4.5	Nisbah Pulangan Keatas Aset.	151
Rajah 4.6	Nisbah Pulangan Keatas Ekuiti Firma	153
Rajah 4.7	Nisbah CL/NW Firma Kontraktor	155
Rajah 4.8	Nisbah DER Firma Kontraktor	156
Rajah 4.9	Nisbah AAAP Firma Kontraktor	159
Rajah 4.10	Nisbah APRR Firma Kontraktor	161
Rajah 4.11	Nisbah FA/NW Firma Kontraktor	163
Rajah 4.12	Nisbah CA/TA Firma Kontraktor	165
Rajah 4.13	Purata CP Firma Kontraktor	166
Rajah 4.14	Nisbah Perbelanjaan Overhed Firma Kontraktor	168
Rajah 4.15	Nisbah ARR Firma Kontraktor	169
Rajah 4.16	Nisbah WCT Firma Kontraktor	172

Rajah 4.17	Nisbah DFAN Firma Kontraktor	262
Rajah 7.1	Sistem Pengurusan Aliran Tunai Yang Kini Diamalkan Oleh Firma	263
Rajah 7.2	Sistem Pengurusan Aliran Tunai Yang Dicadangkan	260

SENARAI SINGKATAN

KKR	Kementerian Kerja Raya
LPIPM	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
PKK	Pusat Khidmat Kontraktor
KPUK	Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi
RMK -9	Rancangan Malaysia Kesembilan
RMK-10	Rancangan Malaysia Kespuluh
JKR	Jabatan Kerja Raya
CR	Nisbah Semasa
QR	Nisbah Cepat
PMC	Konsultan Pengurusan Projek
CF	Sijil Layak Menduduki
GPM	Margin Keuntungan Kasar
ATPM	Margin Keuntungan Selepas Cukai
ROA	Pulangan Keatas Pelaburan Aset
ROE	Pulangan Keatas Pelaburan Ekuiti
CL/NW	Nisbah Liabiliti Semasa/Aset Bersih
DER	Nisbah Hutang/Ekuiti
AAAP	Tempoh Purata Akaun Harus Bayar
APRR	Nisbah Akaun Harus Bayar/ Pendapatan
FA/NW	Nisbah Aset Tetap/Harta bersih
CA/TA	Nisbah Aset Semasa/Jumlah Aset

CP	Tempoh Kutipan
GOR	Nisbah Overhed Am
ARR	Nisbah Aset/Pendapatan
WCT	Nisbah Pusingan Modal Kerja
DFAN	Nisbah Tahap Pemilikan Aset Tetap Baru
MWC	Modal Kerja Minima
MBAM	Master Builders Association Malaysia
NPL	Akaun Pinjaman Yang Tidak Berpotensi

**PRESTASI KEWANGAN DAN ISU-ISU PENGURUSAN FIRMA KONTRAKTOR
BUMIPUTERA DALAM INDUSTRI PEMBINAAN**

ABSTRAK

Faktor kewangan mempunyai hubungan yang signifikan kepada prestasi firma kontraktor. Menurut kajian-kajian terdahulu, jumlah kegagalan firma kontraktor didapati lebih tinggi berbanding dengan peratusan kegagalan firma perniagaan dalam industri lain. Justeru itu, kajian ini dilakukan untuk mencapai tiga objektif. Pertama, untuk mengenal pasti faktor-faktor kegagalan kontraktor bumiputera dengan menggunakan kaedah analisis nisbah terhadap empat pembolehubah kewangan iaitu kecairan modal firma, tahap keuntungan firma, bebanan hutang firma dan tahap kecekapan firma mengurus kewangan/aset. Objektif kedua ialah untuk mengenal pasti sebab-sebab kegagalan yang berkaitan dengan empat pembolehubah kewangan yang diperihalkan di atas manakala objektif ketiga adalah untuk mengenal pasti elemen-elemen pengurusan kewangan yang efektif. Untuk mencapai objektif-objektif tersebut, pungutan data untuk kajian ini telah melibatkan penggunaan kedua-dua kaedah kajian iaitu kualitatif (analisis nisbah dan temu bual) dan kuantitatif (borang soal selidik) yang menjurus kepada pengenalan konsep triangulasi. Responden untuk kajian kualitatif terdiri daripada enam firma-firma pembinaan Bumiputera manakala data kuantitatif melibatkan 54 responden. Dapatan daripada analisis nisbah menunjukkan secara puratanya firma kontraktor menghadapi masalah kekurangan modal untuk membiayai projek yang mereka laksanakan kerana menikmati untung yang kecil daripada projek pembinaan, bebanan hutang yang tinggi dan kurang kecekapan dalam pengurusan aset. Selanjutnya, kajian mengesahkan bahawa masalah modal yang dialami oleh firma pembinaan Bumiputera adalah disebabkan oleh firma memulakan perniagaan dengan modal yang kecil,

kelewatan menerima bayaran kemajuan dan bayaran dari pihak klien; keuntungan firma yang kecil disebabkan oleh kenaikan harga bahan binaan, harga kontrak yang rendah dan kelewatan kontraktor menyiapkan projek; hutang firma yang tinggi disebabkan oleh kelewatan pemilik projek membuat pembayaran, modal asas firma kecil dan bayaran pendahuluan lewat diterima dan firma adalah kurang cekap dalam pengurusan asset berikutan pemilikan aset tetap pada kadar yang tinggi dan tiada perancangan penggunaan aliran tunai yang sempurna.

**FINANCIAL PERFORMANCE AND THE MANAGEMENT ISSUES OF
BUMIPUTERA CONSTRUCTION FIRMS IN CONSTRUCTION INDUSTRY.**

ABSTRACT

Financial factors were significantly related to the performance of the construction firms. Total failure of the construction firm is higher than the percentage of failures of business firms in other industries. Therefore, this study was conducted to achieve three objectives. First, to identify failure factors of bumiputera contractors by using ratio analysis. Four financial variables were chosen for this analysis that is firm capital liquidity, firm profitability, firm debt and the efficiency of the firm's financial management/assets. The second objective is to identify the causes of failure associated with the four financial variables described above. The third objective is to identify the elements of effective financial management. To achieve these objectives, data collection for this study involved the use of both qualitative research methods (ratio analysis and interviews) and quantitative (questionnaire) that led to the introduction of the concept of triangulation. Respondents to the qualitative study consisting of six Bumiputera construction firms, while the quantitative data of 54 respondents. The findings of the analysis showed the firm is having a shortage of capital to finance projects, received small profit from construction projects, carry higher debt and less efficient in asset management. The study also confirms that, capital problems experienced by the firm is due to the firm started its business with small capital, late payment from the clients (progress and final payment). Second, small profit margin was due to the increase in prices of building materials, the low price of contract and delays in project completion. Analysis also showed that the higher debt of firms is caused by the project owner delays on payment, the small capital base and late received of advance payments and, aspects

of asset management firm is said to be less efficient due to the level of ownership of fixed assets at a higher rate and the firms does not properly managed their cash flow.

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Banyak penyelidikan yang dilakukan keatas prestasi firma kontraktor dalam industri pembinaan menunjukkan bahawa terdapat banyak firma kontraktor yang mengalami kegagalan dalam perniagaan mereka. Peratus kegagalan firma kontraktor juga didapati lebih tinggi berbanding dengan peratus kegagalan firma perniagaan dalam industri lain. Keadaan sedemikian bukan sahaja berlaku dalam industri pembinaan domestik tetapi ianya lebih bersifat global. Dalam hal ini, masalah berkaitan kewangan sering dikaitkan dengan kegagalan tersebut. Untuk menjelaskan fenomena kewangan ini, pendekatan analisis nisbah kewangan telah digunakan sebagai kaedah ukuran prestasi. Kaedah yang sama telah digunakan dalam penyelidikan ini untuk menilai prestasi kewangan firma kontraktor bumiputera tempatan.

Bab pertama tesis ini mengutarakan beberapa perkara iaitu pengenalan kajian secara am, penerangan ringkas berkenaan industri pembinaan Malaysia, prestasi firma kontraktor secara umum dan juga prestasi firma kontraktor bumiputera secara khusus. Penyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian juga turut dibincangkan. Manakala bahagian akhir bab akan menjelaskan tentang organisasi tesis.

1.2 Latar Belakang Kajian

Industri pembinaan memainkan peranan yang sangat penting dalam menjayakan dasar dan strategi utama negara pada hari ini. Industri pembinaan memberi sumbangan yang sangat signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negara kerana ia mempunyai “*pengganda pantas*” untuk mengerakkan sektor ekonomi lain (Kementerian Kerja Raya Malaysia/KKR, 2011). Perkara sedemikian juga dijelaskan sebelum ini oleh Abdullah (2004). Beliau menyatakan bahawa kepentingan dan sumbangan industri pembinaan harus dinilai daripada aspek peranannya dalam pembangunan ekonomi keseluruhan.

Pada tahun 2010, sektor pembinaan telah mencatatkan pertumbuhan 5.2% berbanding 5.8% pada tahun 2009 iaitu berlaku penurunan sebanyak 0.6%. Mengikut Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPIM) penurunan tersebut adalah selari dengan momentum ekonomi global yang menyebabkan pelaburan terhadap projek-projek baru mengalami penurunan. Pengurangan perolehan tersebut juga disebabkan oleh kejatuhan dalam pelaburan kerajaan terhadap projek-projek awam. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh LPIPIM (2010), sejumlah RM 18,871.93 juta projek awam telah ditawarkan kepada kontraktor tempatan pada tahun 2010. Jumlah ini merupakan pengurangan sebanyak 41.32% daripada segi nilai berbanding dengan RM 32,200.41 juta projek yang ditawarkan pada tahun 2009.

LPIPIM merupakan sebuah badan kerajaan yang ditubuhkan dalam tahun 1994 bertujuan untuk menentukan arah tuju industri pembinaan di Malaysia. Berkuat kuasa 20 Julai 1995, adalah menjadi mandatori bagi semua firma kontraktor yang beroperasi di Malaysia sama ada firma tempatan atau asing untuk mendaftarkan firma mereka dengan

LPIPM sebelum membuat akujanji dan menyempurnakan apa-apa kerja pembinaan di Malaysia.

Namun begitu, terdapat syarat tambahan bagi firma kontraktor yang ingin melaksanakan projek-projek sektor awam iaitu mereka perlu mempunyai taraf bumiputera dan berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK). PKK adalah sebuah badan kerajaan yang bernaung di bawah Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi (KPUK) dan telah diwujudkan sejak tahun 1981. Walau bagaimana pun, bermula pada 10 April 2009 PKK diletakkan di bawah Kementerian Kerja Raya. Penubuhannya bertujuan untuk mendaftar, memimpin dan melatih usahawan-usahawan bumiputera yang ingin terlibat dalam industri pembinaan. Hal ini merupakan sebahagian inisiatif pihak kerajaan untuk meningkatkan bilangan bumiputera yang terlibat dalam sektor perniagaan di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang ditubuhkan pada tahun 1970. Oleh kerana firma kontraktor bumiputera (FKB) begitu sinonim dengan PKK, bahagian seterusnya akan menjelaskan perkara tersebut.

1.2.1 Firma Kontraktor Bumiputera Dan Pusat Khidmat Kontraktor

Mengikut takrifan yang dikeluarkan oleh PKK, syarikat yang diiktiraf sebagai sebuah syarikat bumiputera hendaklah memenuhi kriteria seperti yang terdapat dalam Surat Perkeliling Pembendaharaan Bil.4 tahun 1995 iaitu:-

- i. Sekurang-kurangnya 51% daripada pemilikan saham syarikat dimiliki oleh bumiputera di mana pemilikan saham individu bumiputera hendaklah melebihi saham individu bukan bumiputera.

- ii. Sekurang-kurangnya 51% daripada lembaga pengarah syarikat dimiliki oleh bumiputera.
- iii. Jawatan Ketua Eksekutif, Pengarah Urusan atau Pengurus Besar dan jawatan-jawatan penting lain (*key post*) hendaklah dipegang oleh bumiputera.
- iv. Sekurang-kurangnya 51% daripada perkerja syarikat hendaklah terdiri daripada bumiputera.
- v. Pengurusan kewangan juga hendaklah dikuasai oleh bumiputera.
- vi. Carta organisasi dan fungsi pengurusan syarikat hendaklah dikuasai sepenuhnya oleh bumiputera.

1.2.2 Pengkelasan Kontraktor Bumiputera

Mengikut sistem pengkelasan kelas yang ditetapkan oleh PKK, firma kontraktor bumiputera yang berdaftar dengan PKK telah dikelaskan kepada enam kelas utama mengikut modal berbayar firma tersebut. Jadual 1.1 menunjukkan senarai kategori firma kontraktor bumiputera mengikut modal berbayar dan nilai kontrak yang dibenarkan.

Jadual 1.1: Kelas kontraktor bumiputera.

Kelas	Modal Berbayar Minima	Nilai had Projek
A	RM 600,001	RM 10,000,000 keatas
B	RM 400,001	RM 5,000,001 hingga RM 10,000,000
C	RM 100,001	RM 2,000,001 hingga RM 5,000,000
D	RM 35,001	RM 500,001 hingga RM 2,000,000
E	RM 17,501	RM 200,001 hingga RM 500,000
F	RM 10,000	Sehingga RM 200,000

Sumber: PKK 2011

Berdasarkan jadual 1.1 di atas, firma kontraktor kelas (A) memerlukan modal berbayar minima sebanyak RM 600,001.00 untuk mereka layak menender projek yang bernilai melebihi RM 10 juta. Manakala, firma kontraktor kelas (B) pula layak menender projek bernilai melebihi RM 5 juta hingga RM 10 juta. Modal berbayar minima yang ditetapkan untuk kontraktor kelas (B) ialah RM 400,001.00. Seterusnya, firma kelas (C) memerlukan modal berbayar minima RM 100,001.00 dan nilai projek yang layak disertai mereka adalah minima RM 2,000,001.00 hingga RM 5,000.000.00. Selanjutnya firma kelas (D) dan (E), masing-masing memerlukan modal berbayar minima RM 35,001.00 dan RM 17,501.00, layak menender projek bernilai masing-masing tidak melebihi RM 2 juta dan RM 500 ribu. Manakala, firma kelas (F) memerlukan modal berbayar minima RM 10 ribu dan layak untuk menender projek bernilai tidak melebihi RM 200 ribu.

Walau bagaimana pun, nilai projek yang layak ditender oleh firma kontraktor bumiputera juga perlu mengikut ketetapan gred yang telah ditetapkan oleh LPIP. Mengikut gred yang telah ditetapkan oleh LPIP, firma kontraktor telah dibahagikan kepada tujuh gred utama iaitu G1, G2, G3, G4, G5, G6 dan G7. Gred-gred tersebut juga ditetapkan mengikut jumlah nilai berbayar yang dimiliki oleh firma kontraktor. Jadual 1.2 di bawah menunjukkan gred firma kontraktor berdasarkan LPIP. Ketetapan tersebut juga perlu diikuti oleh firma-firma kontraktor bukan bumiputera yang ingin melaksanakan projek-projek milik kerajaan.

Jadual 1.2: Gred kontraktor mengikut LPIPМ

Gred	Modal Berbayar (RM)	Keupayaan Menender (RM)	Kategori firma
G7	750,000.00	Tiada had	Besar
G6	500,000.00	Tidak melebihi 10,000,000.00	Besar
G5	250,000.00	Tidak melebihi 5,000,000.00	Sederhana
G4	150,000.00	Tidak melebihi 3,000,000.00	Sederhana
G3	50,000.00	Tidak melebihi 1,000,000.00	sederhana
G2	25,000.00	Tidak melebihi 500,000.00	Kecil
G1	5,000.00	Tidak melebihi 200,000.00	Kecil

Sumber: LPIPМ 2011

Berdasarkan jadual 1.2, firma kontraktor G7 harus mempunyai modal berbayar minima RM750 ribu untuk mereka layak menender projek yang bernilai RM 10 juta ke atas dan tiada hadnya. Manakala, gred G6 pula memerlukan modal berbayar minima RM 500 ribu dan firma tersebut layak untuk menender projek tidak melebihi RM 10 juta. Mengikut pengelasan oleh LPIPМ, firma kontraktor G6 dan G7 telah dikategorikan sebagai firma bersaiz besar. Manakala, firma kontraktor G5, G4 dan G3 masing-masing memerlukan modal berbayar minima RM 250 ribu, RM 150 ribu dan RM 50 ribu dan dikategorikan sebagai firma bersaiz sederhana besar. Masing-masing mempunyai kelayakan menender tidak melebihi RM 5 juta, RM 3 juta dan RM 1 juta. Selanjutnya, firma kontraktor G2 dan G1, masing-masing memerlukan modal berbayar minima RM 25 ribu dan RM 5 ribu dengan kelayakan menender tidak melebihi RM 500 ribu dan RM 200 ribu dan telah dikategorikan dalam kumpulan firma kontraktor bersaiz kecil.

Pada masa ini, didapati berlaku pertindihan fungsi dan tanggungjawab dalam mendaftar dan memantau kontraktor pembinaan kerana LPIPМ dan PKK menjalankan tugas yang sama. Selain itu, terdapat dua kaedah pendaftaran, kriteria penilaian, gred pendaftaran, syarat pendaftaran, tempoh pendaftaran serta pengkhususan/sub-kepala yang berbeza antara LPIPМ dan PKK. Perbezaan tersebut menyebabkan kontraktor terpaksa

menanggung kos dua pendaftaran. Kontraktor terpaksa membayar yuran pendaftaran kepada LPIPM dan PKK bagi pendaftaran yang melibatkan gred/kelas serta pengkhususan/sub-kepala yang sama.

1.2.3 Prestasi Firma Kontraktor Dalam Industri Pembinaan

Imej industri pembinaan telah lama dikritik dan dikaitkan dengan projek pembinaan yang terbengkalai dan hasil kerja yang kurang bermutu (KKR 2011). Situasi begini telah memberi gambaran yang kurang baik tentang prestasi firma kontraktor. Russell (1991) dan Huang, Tsai, Yen & Cheng (2008) telah menyatakan bahawa kontraktor ditafsirkan gagal apabila mereka gagal menyiapkan kerja mengikut kontrak yang dipersetujui, pemilik projek boleh mengambil tindakan undang-undang, firma tidak mempunyai pendapatan yang cukup untuk menampung kos dan nilai aset bersih firma berada dalam keadaan negatif serta tidak berupaya membayar hutang kepada pemuitang.

Banyak kajian merentasi pelbagai prespektif telah memperlihatkan bahawa masalah kegagalan dalam industri pembinaan tidak hanya dihadapi oleh firma kontraktor domestik, tetapi ia lebih merupakan masalah global (Edum-Fotwe, Prince & Thorpe (1996). Selanjutnya beberapa penyelidik seperti Langford, Iyagba & Komba (1993), Edum-Fotwee et al. (1996), Yin (2006) dan Strischek & McIntyre (2008) telah memperihalkan bahawa peratus kegagalan firma kontraktor dalam industri pembinaan dikatakan lebih menonjol berbanding dengan peratus kegagalan firma perniagaan dalam industri lain. Sebagai contohnya di Amerika Syarikat, bilangan firma kontraktor yang beroperasi antara tahun 2004 hingga 2005 telah berkurangan daripada 850,029 buah firma dalam tahun 2004 kepada hanya 649,602 buah firma pada tahun 2005 iaitu berlaku

penyusutan sebanyak hampir 24 peratus (Strischek & McIntyre 2008). Jelas mereka lagi, peratus kegagalan firma kontraktor di Amerika Syarikat adalah sekitar 14% berbanding dengan firma perniagaan dalam industri lain yang berada kurang daripada 12%.

Langford et al. (1993) dan Edum-Fotwee et al. (1996) telah menjelaskan fenomena yang sama berlaku kepada industri pembinaan di Britain. Manakala, Kui (2009) menyatakan berlaku penyusutan yang agak ketara pada pendapatan sektor pembinaan dan guna tenaga buruh di Hong Kong. Pendapatan sektor pembinaan telah menyusut daripada \$ 82.2 bilion dalam tahun 2001 kepada \$ 48.8 bilion pada 2008. Guna tenaga buruh dalam industri pembinaan di Hong Kong pula telah berkurangan sebanyak 30,879 orang dalam tahun 2008 berbanding dengan tahun 2001. Jumlah guna tenaga buruh pada tahun 2001 ialah sebanyak 80,301 orang. Situasi tersebut telah memberi gambaran terhadap kegagalan firma kontraktor dalam industri pembinaan.

Sebelum itu, mengikut laporan yang dikeluarkan oleh "*The New York Times*" (April, 2002) dipetik daripada Peterson (2005) menyatakan dua firma kontraktor yang terbesar di Jepun iaitu "*Sato Kogy Company*" dan "*Nissan Construction*" telah dikenakan tindakan kebangkrapan. Situasi yang sama telah dihadapi oleh firma kontraktor yang kedua terbesar di German "*Philipp Holzmann AG*" yang telah beroperasi lebih daripada 150 tahun telah dikenakan tindakan kebangkrapan. Selain itu, terdapat beberapa kajian lain seperti oleh Assaf, Alkhail & Al-Hazmi (1995), Osama (1997), dan Assaf & al-Hejji (2006) di Arab Saudi, Frimpong, Oluwoye & Crawford (2002) di Ghana, Aibinu & Jagboro (2002) di Nigeria, Sweis, Sweis, Hammad & Shboul (2008) di Jordan, Arslan

& Kivrak (2008) di Turki, juga telah memperihalkan banyak firma kontraktor telah gagal dalam industri pembinaan.

Industri pembinaan di Malaysia juga mengalami fenomena yang sama. Bilangan firma kontraktor yang gagal dalam industri pembinaan di Malaysia juga tinggi. Yin (2006) menyatakan hanya terdapat sebilangan kecil sahaja firma kontraktor di Malaysia yang disenaraikan berjaya dan secara relatifnya lebih banyak berlaku kebangkrapan dalam industri pembinaan berbanding dengan industri lain. Seterusnya, Sambasivan & Soon (2007) menyatakan banyak firma kontraktor di Malaysia gagal menyiapkan kerja mereka mengikut jadual. Hal tersebut telah menyebabkan banyak projek pembinaan di Malaysia telah mengalami situasi lebihan kos dan masa (Bashir 2000). Manakala beberapa penyelidik lain seperti Danuri, Munaaim, Rahman & Hanid (2006), Amer-Ali (2006), Mei Ye & Abdul Rahman (2010) dan Abdul-Rahman, Wang, Takim & Wong (2011) juga memperihalkan tentang kegagalan prestasi firma kontraktor dalam industri pembinaan di Malaysia.

Selanjutnya, berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh LPIPM (2010), daripada Jun 2005 hingga Desember 2009, sejumlah 6,031 firma kontraktor telah diklasifikasikan sebagai tidak aktif atau gagal. Hal sedemikian dilihat mempunyai kaitan dengan jumlah penawaran kerja yang ada di pasaran adalah lebih kecil berbanding dengan jumlah firma kontraktor yang berdaftar. Akibat daripada situasi tersebut banyak firma kontraktor yang gagal memperolehi projek tidak berupaya untuk bertahan lebih lama dalam industri tersebut. Jadual 1.3 menunjukkan perbandingan bilangan firma kontraktor yang berada dalam industri pembinaan dengan jumlah kerja yang ditawarkan.

Jadual 1.3: Bilangan firma kontraktor dan jumlah tawaran kerja

Tahun	Jumlah kontraktor berdaftar	Projek kerajaan		Projek swasta	
		Bilangan	Nilai (bilion)	Bilangan	Nilai (bilion)
2008	63,465	2,697	RM 33,849	3,727	RM 44,116
2009	64,758	2,948	RM 32,158	3,721	RM 37,590
2010	64,547	1,076	RM 11,769	2,475	RM 24,818

Sumber: LPIPM 2011

Jadual 1.3 menunjukkan satu perbezaan yang begitu ketara antara jumlah firma kontraktor yang berdaftar dengan jumlah kerja yang ditawarkan dalam industri pembinaan. Dalam tahun 2008, jumlah firma kontraktor yang berdaftar adalah sebanyak 63,465 firma daripada pelbagai saiz. Manakala, jumlah keseluruhan projek (*kerajaan dan swasta*) yang ditawarkan adalah 6,424 projek yang bernilai keseluruhannya RM 77,965 juta. Manakala, dalam tahun 2009, jumlah projek yang ditawarkan ialah 6,669 yang bernilai RM 69,748 juta untuk menampung bilangan kontraktor pada tahun tersebut yang berjumlah 64,758 firma. Seterusnya, rekod pada tahun 2010 menunjukkan penawaran jumlah kerja telah menurun kepada 3,551 tawaran yang bernilai RM 36,567 ribu juta berbanding dengan jumlah firma kontraktor yang ada iaitu 64,547 firma.

1.3 Penyataan Masalah

Perbincangan dalam bahagian sebelumnya menunjukkan besarnya peranan yang dimainkan oleh industri pembinaan terhadap pembangunan ekonomi sesebuah negara. Mengikut KKR (2011) dan Abdullah (2004), industri pembinaan berfungsi sebagai enjin penggerak kepada sektor ekonomi lain. Kepentingan dan sumbangan industri pembinaan dinilai daripada segi peranannya dalam pembangunan ekonomi keseluruhannya. Namun begitu, imej industri pembinaan telah tercemar oleh kegagalan firma-firma kontraktor yang dikaitkan dengan projek pembinaan yang terbengkalai dan mutu pembinaan yang

rendah (KKR 2011). Masalah kegagalan firma kontraktor dalam industri pembinaan diperingkat antarabangsa telah diperihalkan oleh beberapa orang penyelidik sebelum ini seperti Langford et al. (1993), Assaf et al. (1995), Edum-Fotwee et al. (1996), Osama (1997), Frimpong et al. (2002), Aibinu & Jagboro (2002), Peterson (2005), Assaf & al-Hejji (2006), Strischek & McIntyre (2008), Sweis et al. (2008), Arslan & Kivrak (2008) dan Kui (2009). Manakala perihal tentang kegagalan prestasi firma kontraktor domestik telah dinyatakan oleh Bashir (2000), Danuri et al. (2006), Amer-Ali (2006), Yin (2006), Mei Ye & Abdul Rahman (2010) dan Abdul-Rahman et al. (2011). Selanjutnya, perihal tentang kegagalan prestasi firma kontraktor domestik banyak terfokus kepada firma kontraktor bumiputera yang mana sebahagian besar dalam kalangan mereka bergantung kepada projek-projek awam (Musu 2008).

Di Malaysia, pihak kerajaan telah memainkan peranan yang aktif dalam mempromosikan industri pembinaan negara. Pelbagai kemudahan telah disediakan oleh pihak kerajaan untuk disalurkan kepada industri pembinaan demi memastikan industri pembinaan berdaya maju. Banyak peruntukan kewangan dan kemudahan pasarana telah disediakan untuk memajukan industri pembinaan negara. Misalnya, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), secara keseluruhannya kerajaan telah memperuntukkan 200 bilion bagi perbelanjaan pembangunan. Manakala, projek-projek baru yang bernilai 90 bilion telah dikenal pasti melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Suntikan peruntukan kewangan yang besar oleh sektor awam ke dalam sektor pembinaan telah menarik minat banyak firma kontraktor bumiputera untuk mencuba nasib sebagai kontraktor bagi merebut peluang yang ada.

Keadaan sedemikian menyebabkan berlakunya lambakan firma kontraktor bumiputera dalam pasaran berbanding dengan jumlah projek-projek awam yang ditawarkan oleh pihak kerajaan. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh LIPM (2011), sehingga bulan Jun 2011 hanya 2,051 projek yang bernilai keseluruhannya RM 24,257.74 juta telah ditawarkan dalam industri pembinaan. Daripada jumlah keseluruhan projek-projek kerajaan yang ditawarkan hanya 436 projek yang bernilai keseluruhannya RM 4,626.53 juta sahaja yang boleh dinikmati oleh firma kontraktor bumiputera. Jumlah projek yang ditawarkan adalah jauh lebih rendah daripada bilangan firma kontraktor bumiputera yang ada.

Mengikut perangkaan terkini yang dikeluarkan oleh PKK, bilangan kontraktor bumiputera yang berdaftar dengan PKK sehingga Oktober 2011 daripada pelbagai kelas telah mencecah sehingga 38,737 syarikat (www.pkk.gov.my). Kemasukan firma kontraktor dengan jumlah yang besar dalam industri pembinaan telah memberi impak yang negatif kepada industri itu sendiri. Penawaran projek yang terhad ini telah menyebabkan persaingan yang tinggi dalam kalangan firma kontraktor dan mereka terpaksa mengenakan harga yang rendah untuk memenangi tender. Keuntungan kecil yang diterima daripada projek yang mereka laksanakan menyebabkan firma kontraktor gagal menyempurnakan projek dengan baik. Sebelum ini, Bashir (2000) dan Yin (2006) menyatakan banyak projek pembinaan di Malaysia gagal disiapkan mengikut jadual.

Perihal tentang kegagalan prestasi firma kontraktor bumiputera telah juga dijelaskan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR 2012). Banyak projek-projek yang ditawarkan kepada firma kontraktor bumiputera gagal dilaksanakan dengan sempurna. Jadual 1.4

menunjukkan senarai projek 'sakit' mengikut JKR daerah sebagai pejabat selia tapak yang dikeluarkan pada Januari 2012.

Jadual 1.4: Statistik projek sakit peringkat JKR daerah pada 20 Januari 2012.

N0	Daerah seliaan tapak	Bina	Sakit	% Sakit
1	Besut	10	5	50
2	Batu Pahat	9	4	44
3	Kota Tinggi	3	3	100
4	Johor Bahru	11	2	18
5	Segamat	6	2	33
6	Kota Setar	2	2	100
7	Melaka Tengah	3	2	67
8	Kuantan	13	2	15
9	Kuala Kangsar	4	2	50
10	Perak Tengah	4	2	50
11	Timur Laut	4	2	50
12	Pertaling	2	2	100
13	Marang	2	2	100
14	Setiu	4	2	50
15	Pontian	3	1	33
16	Mersing	2	1	50
17	Ledang	2	1	50
18	Kuala Muda	3	1	33
19	Langkawi	2	1	50
20	Kota Bahru	4	1	25
21.	Machang	1	1	100
22	Alor Gajah	3	1	33
23	Serembang	4	1	25
24	Kinta	4	1	25
25	B. Padang	2	1	50
26	Ulu Langat	1	1	100
27	Sabak Bernan	1	1	100
28	Sepang	1	1	100
29	Dungun	1	1	100
30	Hulu Terengganu	3	1	33
	JUMLAH	114	50	

Sumber data; JKR 2012

Mengikut statistik projek yang dikeluarkan oleh JKR pada 20 Januari 2012 sejumlah 50 projek pembinaan telah diklasifikasikan sebagai projek 'sakit'. Suasana tersebut telah memberi gambaran yang negatif terhadap pencapaian prestasi firma kontraktor bumiputera.

Kesan daripada situasi di atas, banyak firma kontraktor bumiputera telah disenaraihitamkan daripada menyertai tender bagi projek-projek awam. Tugas menyenaraihitamkan firma kontraktor yang bermasalah telah diberi tanggungjawab kepada PKK. Mengikut laporan yang dikeluarkan oleh PKK, firma kontraktor yang disenaraihitamkan adalah kerana kegagalan pencapaian firma tersebut dalam industri pembinaan atau gagal menyiapkan kerja-kerja pembinaan mengikut jadual. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh PKK melalui Laman Web (www.pkk.gov.my) sehingga 10 April 2012 sejumlah 557 firma kontraktor bumiputera daripada pelbagai kelas masih disenaraihitamkan.

Beberapa kajian telah dibuat oleh penyelidik-penyelidik terdahulu terhadap prestasi firma kontraktor dalam industri pembinaan seperti Navon (1996), Osama (1997), Kangari (1998), Arditi, Koksai & Kale (2000), Hwee & Tiong (2001), Hung et al. (2002), Davidson & Marguire (2003), Hassim, Kadir, Lew, & Sim (2003), Jaafar & Abdul-Aziz (2005), Yin (2006), Munaain (2006), Ang (2006), Enshassi, Al-Hallaq & Mohamed (2006), Assaf & Al-Hejji (2006), Danuri et al. (2006), Lin (2008), Strischek & McIntyre (2008) dan Abdul-Rahman et al. (2011) telah mendapati bahawa faktor kewangan adalah faktor yang signifikan menyebabkan kegagalan firma kontraktor.

Signifikan daripada kajian tersebut di atas, telah menyumbang kepada penemuan empat faktor kewangan yang didapati menyebabkan kebanyakan firma kontraktor berada di kancuh permasalahan. *Pertama*, firma kontraktor menghadapi masalah kekurangan modal tunai untuk membiayai projek pembinaan. Beberapa kajian di peringkat antarabangsa, misalnya kajian Kangari (1992) di Amerika Syarikat, Osama (1997) di

Arab Saudi, Arditi et al. (2000) di Amerika Syarikat, Cheah, Garvin & Miller (2004) di Europe, Amerika Syarikat dan Jepun, Schaufelberger (2004) di Amerika Syarikat, Chan, Tam & Cheung (2005) di Hong Kong, Arain (2008) di Pakistan, Kivrak & Arslan (2008) di Turki, Strischek & McIntyre (2008) di Amerika Syarikat dan Balatbat, Lin & Carmichael (2011) di Australia telah mendapati bahawa faktor kekurangan modal merupakan punca utama kepada kegagalan firma kontraktor. Di peringkat domestik penjelasan yang sama telah dibuat oleh Ameer-Ali (2005), Ang (2006), Yin (2006), Danauri et al. (2006), Munaaim (2006), Sambasivan & Soon (2007), Lin (2008), Abdullah, Abdul Rahman & Abdul-Azis (2010), Ye & Abdul Rahman (2010) dan Abdul Rahman et al. (2011).

Kedua, firma kontraktor menikmati keuntungan yang kecil atau mengalami kerugian daripada projek yang dilaksanakan. Banyak kajian literatur telah memperihalkan tentang perkara ini di peringkat domestik dan antarabangsa. Misalnya, kajian Kangari (1988), Arditi et al. (2000), Strischek & McIntyre (2008) di Amerika Syarikat, Schaufelberger (2003) di Hawaii, Davidsion & Maguire (2003), Arslan, Tuncan, Birgonul & Dikmen (2006) di Turki, Enshassi et al. (2006) di Palestin, Hung, Albert & Eddie (2002), Chan et al. (2005) di Hong Kong dan kajian Osama (1997) di Arab Saudi telah memperihalkan tentang keuntungan yang kecil telah dinikmati oleh firma kontraktor. Manakala, di peringkat domestik fenomena ini telah diperihalkan oleh Yin (2006) dan Wong (2008).

Ketiga, Firma kontraktor menanggung bebanan hutang yang tinggi. Beberapa kajian di peringkat antarabangsa, misalnya McMahan (2000), Arditi et al. (2000), Cheah et al. (2004), Enshassi et al. (2006) dan Strischek & McIntyre (2008) menyatakan kerana

terlalu bergantung kepada pinjaman bank dan membayar faedah pinjaman yang tinggi, merupakan punca utama menyumbang kepada kegagalan firma kontraktor. Masalah bebanan hutang yang tinggi dalam kalangan firma kontraktor domestik sebelum ini telah diperjelaskan oleh Lin (2008), Jaafar & Abdul Aziz (2005) dan Yin (2006). Mereka mendapati banyak firma kontraktor telah diistiharkan muflis kerana gagal menyelesaikan hutang mereka. Manakala Wan Mahmood & Zakaria (2007) menyatakan bahawa kebanyakan firma kontraktor di Malaysia dibebani oleh hutang dan perlu membiayainya dengan jumlah yang tinggi.

Keempat, firma kontraktor tidak cekap mengurus aset. Beberapa kajian literatur baik di peringkat domestik atau antarabangsa kelihatan lebih memberi fokus kepada isu ketidakcekapan firma kontraktor mengurus aset tunai dan modal hutang. Misalnya, Slatter (1984), Kangari (1988), Navon (1996), Hwee & Tiong (2001), Mutti & Hughes (2002) dan Enshassi et al. (2006) telah melihat kelemahan pengurusan firma kontraktor daripada perspektif kelemahan firma merancang pergerakan aliran tunai. Manakala, dalam kajian lain oleh McMahon's (2000), Jaafar & Abdul-Aziz (2005) dan Lin (2008) lebih memberi fokus kepada kelemahan firma mengurus modal hutang. Pengenalpastian faktor-faktor kewangan seperti yang diperihalkan di atas adalah signifikan kepada firma kontraktor domestik kerana ianya dapat memberi data yang spesifik kepada firma mereka untuk meneruskan persaingan dalam industri pembinaan.

Untuk menjelaskan fenomena kewangan tersebut, Kangari et al. (1992) menyatakan analisis nisbah kewangan yang menggunakan data yang diperolehi daripada laporan kewangan firma telah digunakan secara meluas untuk menilai tentang kekuatan dan

kelemahan prestasi kewangan semasa firma kontraktor. Kaedah analisis nisbah mula diperkenalkan dalam industri pembinaan oleh Argenti (1976) di Amerika Syarikat. Analisis ini kamudiannya telah digunakan secara meluas oleh para penyelidik di peringkat antarabangsa, misalnya kajian Abidali & Harris (1995) di UK, Peterson (2005) di Amerika Syarikat, Singh & Tiong (2005) di Singapura, Chan et al. (2005) di Hong Kong, Wu & Hsien (2006) di Taiwan, Pamulu, Kajewski & Betts (2007) di Indonesia, Ocal, Oral, Erdis & Vural (2007) di Turki, Huang et al. (2008) di Hong Kong, Huang (2009) di Taiwan, Balabat et al. (2011) di Australia dan Ng, Wong & Zhang (2011) di Cina. Namun begitu, penggunaan jenis dan bilangan nisbah dalam kalangan penyelidik adalah berbeza-beza.

Kajian literatur menunjukkan setiap penyelidik menggunakan jenama atau jenis serta bilangan nisbah yang berbeza-beza untuk mencapai maksud penyelidikan mereka. Misalnya, Chan et al. (2005) telah menggunakan 7 nisbah kewangan iaitu nisbah margin keuntungan sebelum faedah dan cukai, nisbah pulangan ke atas ekuiti, nisbah pulangan ke atas aset, nisbah jumlah pusingan aset, nisbah cepat, nisbah pendapatan sesaham dan nisbah hutang. Manakala, Ocal et al. (2007) telah menggunakan 16 jenis nisbah kewangan dalam kajian beliau iaitu, nisbah cepat, nisbah tunai, nisbah pendapatan sebelum kadar faedah dan cukai/kadar faedah, nisbah semasa, nisbah hutang, nisbah pulangan ke atas aset, nisbah pendapatan sebelum cukai/Jualan bersih, nisbah pusingan modal kerja, nisbah pusingan aset, nisbah pusingan aset jangka panjang, nisbah pusingan inventori, nisbah pendapatan sebelum faedah dan cukai/ jualan bersih, nisbah keuntungan kasar/ jualan bersih, kadar pertambahan aset, nisbah akaun harus terima/ jumlah aset dan aset semasa/ jumlah aset. Selanjutnya, Singh & Tiong (2006) hanya

menggunakan 5 jenis nisbah kewangan sebagai pertunjuk kepada kedudukan kewangan firma kontraktor di Singapura iaitu, nisbah modal kerja/ liabiliti semasa, nisbah aliran tunai/liabiliti semasa, nisbah aset bersih/jumlah liabiliti, nisbah pulangan ke atas jumlah aset/total aset dan nisbah pendapatan / jumlah aset. Manakala Pamulu et al. (2007) dan Balabat et al. (2011) masing-masing menggunakan 19 jenis nisbah kewangan yang berbeza dan sebagainya. Situasi begini menunjukkan terdapat kekangan dalam penggunaan nisbah kewangan dalam kalangan penyelidik-penyelidik. Keadaan yang tidak selaras tersebut telah menimbulkan kesukaran untuk menetapkan tanda aras yang sesuai terhadap ukuran prestasi kewangan firma. Oleh itu, kajian perlu dibuat untuk mencari satu kaedah pengukuran yang sesuai terhadap prestasi kewangan firma kontraktor.

Walaupun bagaimanapun, mengikut pengetahuan penyelidik, tidak ada penyelidikan yang dilakukan secara menyeluruh untuk menjelaskan prestasi kewangan firma kontraktor di peringkat domestik. Walaupun terdapat beberapa kajian di peringkat domestik secara kuantitatif yang juga menjurus kepada penemuan beberapa faktor kewangan yang menyumbang kepada prestasi buruk firma kontraktor seperti yang dilakukan sebelum ini oleh Abdullah et al. (2010), Munaain (2006), Ang (2006) dan Yin (2006), namun begitu kajian tersebut tidak memfokuskan kepada isu kewangan sahaja, tetapi mereka lebih berminat untuk melihat secara umum terhadap faktor-faktor yang menjurus kepada kegagalan prestasi firma kontraktor termasuklah faktor-faktor bukan kewangan.

Hal ini telah mendorong penyelidik untuk melakukan kajian dengan lebih mendalam untuk mengetahui perihal tentang permasalahan kewangan yang dihadapi oleh firma

kontraktor dalam industri pembinaan domestik. Hal ini dapat menjelaskan faktor-faktor yang menyebabkan fenomena kewangan tersebut berlaku dalam kalangan firma kontraktor domestik khususnya firma kontraktor bumiputera. Cadangan kepada elemen-elemen pengurusan kewangan efektif yang terhasil daripada kajian terperinci ke atas firma-firma pembinaan bumiputera memberikan satu panduan berguna kepada firma-firma yang terlibat dalam industri pembinaan.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah diperihalkan di atas, kajian ini secara umumnya bertujuan untuk menilai peranan faktor-faktor yang berkaitan dengan kewangan terhadap simpton kegagalan firma kontraktor domestik. Secara lebih khusus, ada tiga objektif yang hendak dicapai iaitu:

- i. Objektif utama ialah untuk mengenal pasti faktor-faktor kegagalan firma kontraktor bumiputera melalui kaedah penilaian nisbah kewangan terhadap empat pembolehubah kewangan seperti berikut:
 - a. Kecairan modal firma
 - b. Tahap keuntungan firma
 - c. Bebanan hutang firma
 - d. Tahap kecekapan firma mengurus kewangan/aset.
- ii. Untuk melengkapkan kajian ini, faktor-faktor yang menerangkan tentang keputusan analisis nisbah diterokai. Oleh itu objektif kedua ialah untuk

mengenal pasti sebab-sebab kegagalan yang berkaitan dengan empat pembolehubah kewangan yang diperihalkan di atas.

- iii. Untuk mengenal pasti dan mencadangkan elemen-elemen pengurusan kewangan yang efektif kepada firma kontraktor bumiputera.

1.5 Persoalan Kajian

Bagi mencapai setiap objektif kajian, tiga persoalan yang membentuk halatuju kajian ini dinyatakan seperti berikut:

- i. Apakah faktor-faktor kewangan yang menyebabkan kegagalan firma kontraktor bumiputera.
- ii. Apakah faktor-faktor penyebab kepada kegagalan kewangan yang sedemikian?
- iii. Apakah elemen-elemen panduan pengurusan kewangan yang efektif bagi firma kontraktor bumiputera?

1.6 Skop Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk menilai prestasi kewangan firma kontraktor dalam industri pembinaan di Malaysia dengan menggunakan kaedah analisis nisbah. Namun begitu tumpuan kajian ini hanya menumpukan kepada firma kontraktor bumiputera sahaja. Hal sedemikian berlaku disebabkan oleh faktor kurang kerjasama daripada

kalangan firma kontraktor bukan bumiputera. Manakala, dari segi saiz firma, pemilihan hanya dibuat dalam kalangan firma kontraktor yang bersaiz besar dan sederhana. Penggunaan kategori ini sebagai responden kajian adalah berdasarkan dua faktor penting iaitu tempoh projek yang dilaksanakan adalah lebih panjang berbanding dengan firma kontraktor yang bersaiz kecil. Selain itu, kebanyakan firma kontraktor daripada kategori ini memiliki data kewangan yang lengkap. Kedua-dua faktor ini akan memudahkan penilaian prestasi dilakukan. Selain itu, pemilihan responden kajian adalah dalam kalangan pemilik-pemilik firma sahaja. Hal ini penting kerana mereka sahaja yang lebih arif tentang sejarah kewangan firma milik mereka.

Walaupun terdapat banyak faktor yang dapat mempengaruhi prestasi firma kontraktor, namun begitu kajian ini hanyalah tertumpu kepada faktor-faktor yang berkaitan kewangan yang mana dianggap paling signifikan oleh golongan ilmuwan sebelum ini dalam menentukan prestasi firma kontraktor. Manakala, tumpuan kajian ini adalah terhadap empat pembolehubah kewangan iaitu kecairan modal firma, tahap keuntungan firma, bebanan hutang firma dan tahap kecekapan firma mengurus aset. Empat pembolehubah kewangan ini dinilai berdasarkan keputusan analisis terhadap nisbah kecairan, nisbah keuntungan, nisbah hutang dan nisbah kecekapan. Hal ini sekaligus memenuhi objektif kajian dan menjawab persoalan kajian yang dibentuk.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting untuk dijalankan kerana tiga alasan berikut:

1. Tidak dapat dinafikan terdapat kajian yang menjelaskan tentang peranan faktor-faktor kewangan terhadap kegagalan prestasi firma-firma kontraktor dalam industri pembinaan di Malaysia. Biarpun sedikit bilangannya, setidak-tidaknya telah ada usaha yang dilakukan oleh penyelidik tempatan untuk meneroka perkara tersebut dalam kalangan firma kontraktor tempatan. Namun begitu, kajian mereka tidak terfokus terhadap isu-isu kewangan sebagai faktor yang signifikan menyebabkan kegagalan firma kontraktor. Oleh itu, kajian penyelidik dijangka dapat mendedahkan fenomena sebenar secara menyeluruh tentang permasalahan kewangan dalam kalangan firma kontraktor sebagai faktor yang signifikan menyebabkan kegagalan prestasi firma kontraktor khususnya firma kontraktor bumiputera.
2. Telah dijelaskan sebelum ini bahawa pihak kerajaan telah memainkan peranan yang aktif dalam mempromosi industri pembinaan negara. Pelbagai kemudahan telah disediakan oleh pihak kerajaan untuk disalurkan kepada industri pembinaan demi untuk memastikan industri perbinaan berdaya maju. Namun begitu, industri pembinaan tempatan telah tercemar sejak sekian lama dengan projek terbengkalai dan hasil binaan yang kurang bermutu. Akibatnya, banyak firma kontraktor telah disenaraihitamkan dan ditegah daripada menyertai tender-tender kerajaan. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat menyediakan maklumat yang tepat kepada pihak institusi yang terlibat dalam meningkatkan usaha bagi

membantu firma kontraktor khususnya firma kontraktor bumiputera supaya ia lebih berdaya saing dalam industri pembinaan.

3. Tidak dinafikan juga wujud kajian yang mengaitkan faktor pengurusan tunai yang lemah dalam kalangan firma kontraktor adalah faktor yang signifikan menyebabkan kegagalan firma kontraktor. Mengamalkan sistem pengurusan kewangan yang tidak efektif menyukarkan firma kontraktor untuk meramalkan pergerakan aliran tunai dan wujud juga beberapa kesan negatif lain seperti pusingan aliran tunai menjadi perlahan, bil melebihi tempoh dan keuntungan menjadi semakin pudar. Impaknya firma kontraktor akan menghadapi masalah untuk mengetahui anggaran sebenar kos dan keperluan tunai projek. Kajian ini dijangka dapat mengemukakan kaedah pengurusan tunai yang efektif yang boleh digunakan oleh firma kontraktor untuk mengawal selia pergerakan tunai untuk setiap projek yang mereka laksanakan.

4. Beberapa kajian literatur menunjukkan analisis nisbah telah digunakan secara meluas oleh penyelidik-penyelidik sebagai alat untuk mengukur prestasi kewangan firma kontraktor di peringkat antarabangsa. Pelbagai jenis nisbah kewangan telah digunakan oleh para penyelidik tersebut untuk mencapai hasrat kajian mereka. Selain daripada itu, ukuran kepada prestasi yang digunakan juga berbeza-beza. Hal sedemikian telah memberi kesukaran untuk memilih batu asas yang sesuai kepada ukuran prestasi kewangan firma. Oleh sebab itu, kajian ini cuba menentengahkan penggunaan purata industri sebagai titik perbandingan kepada prestasi kewangan firma kontraktor. Kajian ini juga dijangka dapat

digunakan sebagai asas bagi menghasilkan purata industri yang berasaskan pembinaan domestik.

Berdasarkan keempat-empat alasan di atas dapat dirumuskan tentang kesignifikan kajian ini yang boleh dilihat dari segi akademik dan pratikal. Dari sudut akademik, kajian ini telah mengetengahkan empat pembolehubah kewangan (kecairan modal firma, tahap keuntungan firma, bebanan hutang firma dan tahap kecekapan firma mengurus kewangan/aset) yang didapati signifikan menyebabkan kegagalan prestasi firma kontraktor bumiputera. Ia kemudiannya boleh dijadikan asas penelitian dalam kajian-kajian selanjutnya, khususnya untuk meneliti prestasi kewangan firma kontraktor domestik secara keseluruhannya. Selain itu, kaedah analisis nisbah dengan purata industri sebagai titik perbandingan kepada prestasi kewangan firma kontraktor adalah merupakan satu pendekatan kajian yang baru dalam industri pembinaan domestik. Seterusnya, pengenalan konsep baru kepada pengurusan tunai firma kontraktor (satu akaun-satu projek) adalah satu penerokaan baru kepada dunia akademik.

Daripada sudut praktis pula, kajian ini mencakupi lima perkara. *Pertama*, ia memberi manfaat kepada firma kontraktor untuk menyediakan pelan perniagaan yang lebih baik bagi menghadapi krisis kewangan yang sering melanda industri pembinaan. *Kedua*, ia mengemukakan satu garis panduan yang baru kepada ukuran prestasi kewangan firma kontraktor. Kaedah analisis nisbah yang digunakan dalam kajian ini boleh digunakan sebagai alat oleh firma kontraktor untuk memeriksa kedudukan kewangan firma mereka dari semasa ke semasa. *Ketiga*, ia menyalurkan maklumat penting kepada pihak kerajaan bagi penyediaan pelan strategi yang lebih berkesan dalam industri pembinaan sekaligus